

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM [KUBANG PASU]**

**TARIKH** : **8 JUN 2015 (ISNIN)**

**SOALAN** : **Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bilakah pihak Kementerian akan melaksanakan projek promosi Agro Pelancongan Tani di Tasik Pedu, Kedah dan peruntukan bagi meningkatkan taraf infrastruktur homestay dan rumah-rumah tumpangan atau chalet yang dilakukan oleh nelayan-nelayan sungai di sepanjang tasik berkenaan.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Empangan Pedu adalah merupakan sebuah tasik buatan manusia yang terletak di daerah Padang Terap Negeri Kedah. Tasik ini berfungsi sebagai sumber air untuk kegunaan domestik dan pertanian terutamanya sebagai pengairan kepada sawah padi di seluruh negeri Kedah dan Perlis termasuk Pulau Pinang. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

hanya dipertanggungjawabkan bagi memastikan kesediaan air untuk tujuan pengairan sawah padi 2 kali setahun sebagaimana lazimnya.

Projek promosi Agro Pelancongan Tani di Tasik Pedu, Kedah adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah. Untuk pembangunan agropelancongan di Tasik Pedu, Kerajaan Negeri telah meletakkan Tasik Pedu sebagai salah satu produk pelancongan yang akan dibangunkan di bawah Pelan Pembangunan (*blue print*) Halatuju Pelancongan Negeri Kedah 2016 hingga 2025. Buat permulaan, pembangunan di kawasan tersebut telah dimasukkan di dalam Kempen Discover Kedah 2016.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tiada peruntukan khusus bagi menaiktaraf infrastruktur homestay dan rumah-rumah tumpangan atau chalet di Tasik Pedu dan permohonan berkaitan agropelancongan di seluruh negara telah dimasukkan di dalam permohonan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) di bawah program Agropelancongan kementerian. Walau bagaimanapun, kelulusan peruntukan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan daripada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 08 JUN 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 36**

Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebab caj begitu tinggi sebanyak RM60 dikenakan bagi penumpang pesawat AirAsia yang meminta perkhidmatan *wheel chair* semasa menaiki kapal terbang. Apakah sebab MAS mengenakan caj sebanyak RM300 bagi penumpang yang membawa *risk item* seperti pistol. Adakah Kerajaan mempunyai satu sistem untuk mengawal caj yang begitu tinggi.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, AirAsia menyediakan perkhidmatan *wheel chair* semasa menaiki kapal terbang secara percuma kepada para penumpangnya yang berstatus orang kelainan upaya (OKU). Bagi para penumpang yang lain, pihak AirAsia menyediakan perkhidmatan *wheel chair* dengan dikenakan caj sebanyak RM60 sekiranya dibuat tanpa sebarang tempahan *online* atau RM30 sekiranya dibuat tempahan secara *online*.

Menurut AirAsia, pengenaan caj perkhidmatan ini adalah berdasarkan perkhidmatan yang telah disediakan sejajar dengan pelaburan sebanyak RM3juta yang telah dibuat olehnya bagi maksud menyediakan perkhidmatan *wheel chair* tersebut. Caj perkhidmatan yang dikenakan tersebut juga adalah kompetitif jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat penerbangan tambang murah serantau.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak MAS hanya mengenakan caj sebanyak RM200, bukannya RM300 bagi penumpang yang membawa *risk item* seperti pistol adalah bagi maksud membayar caj perkhidmatan penyimpanan senjata api yang dikendalikan secara bersama dengan pihak MAHB di ruang khas bagasi pesawat. Walau bagaimanapun, pengenaan caj ini telah dikecualikan kepada semua pegawai-pegawai pengiring ketika menaiki pesawat untuk mengiringi anggota-anggota pentadbiran kerajaan Malaysia yang memegang jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik bermula 1 November 2014. Pengecualian ini

akan turut melibatkan semua pegawai-pegawai kerajaan dan pengiring-pengiring yang menjalankan tugas-tugas rasmi sahaja dan yang menggunakan kod waran perjalanan kerajaan atau dengan menunjukkan Kad Kuasa (*Authority Card*) pegawai pengiring berkenaan kepada kakitangan MAS di kaunter Daftar Masuk.

Selepas Rasionalisasi Domestik yang dilaksanakan oleh kerajaan pada tahun 2006, semua syarikat penerbangan negara adalah bebas untuk menentukan harga tiket penerbangan termasuk caj-caj sampingan untuk perkhidmatan tambahan yang dikenakan oleh syarikat-syarikat penerbangan tersebut.